

05/10/2001

Nik Aziz sindir MCA, MIC diam isu negara Islam

KOTA BHARU, Khamis - Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, menyindir MCA dan MIC yang didakwa hanya berdiam diri terhadap status Malaysia sebagai negara Islam seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, sikap kedua-dua parti komponen itu berbeza dengan DAP yang mengambil langkah keluar daripada pakatan pembangkang selepas menyedari Pas serius dengan hasratnya untuk mendirikan negara Islam.

"Ini bermakna DAP benar-benar yakin bahawa Pas boleh membentuk negara Islam mengikut konsep sebenar, sebab tu dia keluar daripada pakatan... tak apalah kalau macam tu.

"MCA dan MIC pula dok senyap... mungkin dia tahu PM (Perdana Menteri) berbohong (mengenai status negara Islam), sebab tu dia tak takut bila diisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berceramah pada majlis solat hajat dan ceramah perdana di Pusat Tarbiyah Islamiyah Kelantan (Putik) di Pengkalan Chepa, malam tadi.

Baru-baru ini, Dr Mahathir menyahut cabaran Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, dengan mengisytiharkan status Malaysia sebagai negara Islam yang selari dengan ajaran Islam.

Perdana Menteri berkata, rakyat bukan Islam berhak menganggap Malaysia sebagai negara sekular tetapi Umno selaku parti peneraju kerajaan menganggap segala syarat sebagai negara Islam sudah dipenuhi.

Nik Abdul Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan turut mendakwa pemimpin Umno negeri ini semakin takut bersuara dan terpaksa berselindung di sebalik pelbagai pertubuhan untuk menghentam Pas.

"Peluang Umno Kelantan nak berdialog dengan Pas Kelantan mengenai isu pindaan perlembagaan negeri dah tertutup.

"Dulu masa kita bentangkan pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN), wakil Barisan Nasional (BN) tak masuk dewan tetapi mereka pergi berarak di luar Dewan kerana mendakwa persidangan kita tak sah.

"Saya cabar Umno bawa isu pindaan perlembagaan negeri ke mahkamah sebab kalau pindaan kerajaan Kelantan tak sah, ini bermakna pindaan di peringkat Pusat pun tak sah kerana kita (negeri) pinda untuk selaraskan dengan Kerajaan Pusat," katanya.

(END)